

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 4 JUN 2016 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Making locally-developed technologies relevant to Malaysians	The Star
2.	Sektor pelancongan Sabah berpotensi tinggi – Najib	Utusan Malaysia
3.	Hujan batu fenomena biasa – Madius Tangau	BERNAMA
4.	Hailstorm a normal phenomenon – Madius Tangau	BERNAMA
5.	MOSTI sedia salur dana biaya R&D faedah Gaharu sebagai rawatan kanser	BERNAMA
6.	MOSTI ready to channel funds for R&D on Sandalwood for cancer treatment	BERNAMA
7.	'Respecting others is part of 1Malaysia'	New Straits Times
8.	Peguam negara dahului senarai penerima darjah kebesaran	Berita Harian
9.	Peguam negara dahului senarai penerima darjah kebesaran	BERNAMA
10.	A-G leads king's award list	New Straits Times
11.	Ketokohan Mazlan sukar ditandingi	Berita Harian
12.	Hailstorm and flash flood mayhem in KL	The Star
13.	Planet dekat dengan bumi bukan fenomena pelik	Harian Metro

KERATAN AKHBAR
THE STAR (COMPANIES & STRATEGIES) : MUKA SURAT 8
TARIKH : 4 JUN 2016 (SABTU)

Making locally-developed technologies relevant to Malaysians



By DATUK SERI MADIUS TANGAU
Science, Technology and Innovation Minister

DOES the man in the street, who regularly shops at the pasar borong, really care that the fish he buys are free of diseases? Who pays attention to fulfilling the needs of the old folk in remote villages yearning for clean water, affordable to their level of income? What does an executive who drives a German marque has in mind when he happily swirls around corners while braking hard and enjoying his drive?

The three questions actually have some commonalities – technologies – and Malaysia has plenty to offer. But the question is whether the technologies are really up to the mark in addressing the needs of the users and to a greater extent,

meeting the stringent requirements of the producers? Manufacturers or producers are constantly looking for new products or product lines to stay in business. This means that new products must be developed with demand in mind, hence, demand-driven research and development (R&D) should be given focus.

Every year, the Government spends about RM6.6bil in various R&D activities and the challenge is finding avenues for the technology-based products to enter the market. My ministry realises that commercialisation interventions need to be instituted and thus MOSTI Commercialisation Year was introduced in 2014 to create awareness and spur researchers to start thinking of the end in mind whenever they embark on a new journey of R&D.

The target is to commercialise up to 360 products by 2020 or on average, 60 products a year, for agencies under MOSTI. At the end of 2015, a total of 132 products were launched into the Malaysian market. The number of products commercialised in 2014 and 2015 is understandably small compared with the number of R&D projects funded by the Government.

As such, the Malaysia Commercialisation Year (MCY) was announced by the Prime Minister in Budget 2015, and MOSTI was entrusted to spearhead this initiative in 2016.

The country's STI landscape consists of many players including Malaysia Debt Ventures Bhd, Malaysia Innovation Agency and Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC), government research institutions and public research universities.

Recognising that there are many agencies, the Government feels that we should capitalise on this strength to catapult commercialisation. MCY 2016 therefore, will be different in terms of target and approach compared with the 2014 and 2015 commercialisation programme.

In this regard, the MCY programme is a collaborative effort between the Finance Ministry and MOSTI under the National Blue Ocean Strategy. This programme leverages on the collaboration and sharing of resources by various relevant agencies including the nine ministries that conduct R&D activities, namely MOSTI, the Higher Education Ministry, Agriculture and Agro-based Industry Ministry, Communications and Multimedia Ministry, Plantation Industry and Commodity Ministry, Health Ministry, Defence Ministry, Natural Resources and Environment Ministry, and Energy, Green Technology and Water Ministry.

The question can still be asked about multiple ministries and agencies working in tandem to elevate commercialisation of local technologies. For example, Unit Peneraju Agenda Bumiputra

(Teraju) provides business opportunities, financing and human capital development, private investments and value creation. These initiatives are carried out through various ministries, private sector and government agencies at various levels.

How do we ensure that Teraju's activities are linked to other initiatives and how do they collaborate with agencies like Malaysian Technology Development Corp (MTDC), under MOSTI? MTDC has been a key player in commercialisation and has a good reputation in the promotion of technology-based companies in Malaysia. In actuality, Teraju and MTDC have started collaborating in the management of Teraju's Superhi programme where MTDC acts as Teraju's technical arm in coaching and mentoring tech-based businesses funded by Teraju. This kind of collaborative partnership will be enhanced further under MCY.

MCY's objective is to facilitate local R&D products and services into the market by introducing appropriate commercialisation interventions, such as investment and market promotions. The programme's three-pronged approach includes enhancing synergy across various related agencies including R&D, promotions, investment and capacity building agencies, based on market-driven products and services and leverage on quick wins on the products and services. To ensure a smooth implementa-

tion of MCY initiatives and activities, the Government is instituting a governing structure led by a steering committee, which is chaired by myself, that meets regularly with the nine ministries and other agencies. MCY is adopting the synergistic approach, which consists of six elements namely 1Promotional Campaign; 1Stop Centres; Capacity Building Programmes, Industry Engagement, Shared Key Performance Indicators (KPI), and Information Services.

For the Shared KPI, all agencies, institutions and universities, which conduct research, development and commercialisation (R&D&C) activities have committed to commercialise at least five products/services each by the end of 2016 as their Special KPI under MCY. The new target for MCY 2016, as such, is to commercialise a total of 145 technology-based products and services. This is a first in Malaysia where all R&D&C organisations consisting of 13 GRL, five research universities and seven technology development agencies are working with other agencies via MOSTI to bring their products to the market.

The highlight of MCY 2016 is the MCY summit, scheduled from Nov 2-3 2016. The summit will feature international level conferences and exhibitions, product launch and awards. Ten winners will be selected among the Special KPI products and services. Each winner will receive RM100,000.

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERIL) : MUKA SURAT 5
TARIKH : 4 JUN 2016 (SABTU)**

Sektor pelancongan Sabah berpotensi tinggi - Najib

KUALA LUMPUR 3 Jun - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Sabah mempunyai potensi yang tinggi dalam sektor pelancongan terutama dengan beberapa pembangunan yang sedang giat dilaksanakan di negeri itu.

Perdana Menteri berkata, antara projek besar yang dibangunkan ialah Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah yang mendapat suntikan daripada kerajaan Pusat sebanyak RM200 juta, Lebuh Raya Pan Borneo Sabah sepanjang 706 kilometer serta pembangunan semula pantai Tanjung Aru.

"Ini semua kerana usaha sama antara kerajaan Pusat dan kerajaan negeri di bawah Barisan Nasional (BN). Saya dimaklumkan dalam seminggu terdapat 46 penerbangan dari China ke Sabah," katanya ketika berucap melancarkan Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) Tadau Kaamatan di Pusat Penerangan Pelancongan Malaysia (MaTIC) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan,



NAJIB TUN RAZAK bersama Maximus Johnity Ongkili (kiri) dan Joseph Pairin Kitingan (kanan) melakukan gimik pelancaran dalam Majlis Rumah Terbuka Malaysia Tadau Kaamatan di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/NASIRRUDDIN

Datuk Seri Mohamed Nazri Abd. Aziz; Menteri Tenaga Teknologi, Hijau dan Air, Datuk Seri Dr.

Maximus Johnity Ongkili; Menteri Sains dan Teknologi, Datuk Seri Madius Tangau dan Timba-

lan Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan.

Majlis rumah terbuka bagi perayaan etnik Kadazan Dusun dan Murut yang julung kali diadakan di ibu negara bertujuan mempromosi negeri Sabah dan budaya masyarakat setempat, selain meningkatkan lagi persefahaman dan perpaduan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Sambutan itu diadakan selama dua hari bermula hari ini dan dimeriahkan dengan pelbagai acara termasuk pameran, persembahan kesenian dan kebudayaan, jambuan rakyat serta persembahan daripada artis terkenal dari Sabah seperti Adira, Jimmy Palikat dan Clarice John Matta.

Sementara itu, Najib berkata, sambutan Rumah Terbuka Tadau Kaamatan itu merupakan sebahagian daripada falsafah 1Malaysia yang menjadi pegangan kerajaan.

Beliau berkata, jika rakyat berbilang kaum saling hormat-menghormati antara satu sama lain, negara akan terus mencapai kejayaan dan mencegapi kemakmuran.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 4 JUN 2016 (SABTU)



Hujan Batu Fenomena Biasa - Madius Tangau

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Kejadian hujan batu di beberapa kawasan di ibu negara dan Selangor petang semalam bukanlah sesuatu yang luar biasa, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau.

Beliau berkata hujan batu boleh berlaku ketika hujan ribut petir yang kuat dan apabila awan kumulonimbus (sumber utama pembentukan hujan ribut petir) mencapai ketinggian 40,000 kaki.

"Oleh itu, suhu udara melepas ambang takat beku dan titis-titis hujan yang terbentuk boleh menjadi ketulan-ketulan air batu yang bersaiz sekitar 1.5 sentimeter iaitu sebesar guli," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 4 JUN 2016 (SABTU)



Hailstorm A Normal Phenomenon - Madius Tangau

KUALA LUMPUR, June 4 (Bernama) -- The hailstorm which occurred in several areas here and in Selangor yesterday, were nothing unusual, said Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau.

He said it could occur when there was a strong thunderstorm and when the cumulonimbi clouds (the main source of the formation of thunderstorms) reached a height of 40,000 feet.

"When the temperature goes below freezing point, the rain drops become ice lumps sized 1.5cm, about the size of a marble," he said in a statement Saturday.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 4 JUN 2016 (SABTU)**



MOSTI Sedia Salur Dana Biayai R&D Faedah Gaharu Sebagai Rawatan Kanser

JOHOR BAHRU, 3 Jun (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** bersedia menyalurkan dana kepada syarikat perladangan dan pengeluaran gaharu, Asia Plantation Capital Bhd (APC), untuk membiayai pembangunan penyelidikan faedah kayu gaharu sebagai rawatan penyakit kanser.

Timbalan Menterinya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata penyaluran dana terbabit selaras dengan matlamat MOSTI yang menyasarkan sebanyak 360 produk inovasi berimpak tinggi untuk dikomersialkan menjelang tahun 2020.

"Menerusi perbincangan, pihak pengurusan APC mengatakan bahawa kayu gaharu mungkin boleh menjadi satu daripada penawar kanser.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 4 JUN 2016 (SABTU)



MOSTI Ready To Channel Funds For R&D On Sandalwood For Cancer Treatment

JOHOR BAHRU, June 3 (Bernama) -- The Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) is ready to channel funds Asia Plantation Capital Bhd (APC), which plants and produces sandalwood, to finance research and development (R&D) on the benefits of sandalwood for cancer treatment.

Its deputy minister, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah said this was in line with the goals of the ministry, which targets 360 high-impact innovation products to be commercialised by 2020.

"The APC management says sandalwood may be one of the cures for cancer.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 4 JUN 2016 (SABTU)

'Respecting others is part of 1Malaysia'

KUALA LUMPUR: Malaysians are urged to emphasise mutual respect for one another, as this is one of the foundations for maintaining peace and harmony in the country.

Prime Minister Datuk Seri Najib Razak said one of the principles of 1Malaysia was to respect one another.

"If we have mutual respect, others will respect us, too. If we appreciate their culture, they will also do the same with open hearts."

"So that (mutual respect) is one of the foundations of maintaining peace in the country," he said at the national-level Tadau Kaamatan 2016 open house celebration at the Malaysia Tourist Centre here yesterday.

He said if everyone adhered to the 1Malaysia concept, Sabah, and the country as a whole, would be successful, peaceful and harmonious.

Najib also called the people of Sabah real warriors, and urged them to unite and defend every inch of the land from being encroached by anyone.

"The people of Sabah are real

fighters. Regardless of their descent, including those of Kadazan Dusun descent, the people will safeguard the land," he said.

Najib said Sabah had the potential to be developed into a major tourism destination, and added that a number of tourism-based projects had been lined up for the Land Below The Wind.

He said among the major development projects that would be carried out included the Sabah International Convention Centre (to be completed by 2018), the redevelopment of Tanjung Aru (which was being discussed by the state and Federal Government), and the Pan-Borneo Highway.

These plans, he said, were the fruits of Barisan Nasional and Sabah's leadership.

The Tadau Kaamatan event, launched by the prime minister, was held in Kuala Lumpur for the first time to promote Sabah, foster unity among the various ethnic groups and people in Malaysia, as well as to promote Sabah culture.

Najib said the celebration was



Prime Minister Datuk Seri Najib Razak hitting a gong to symbolise the opening of the national-level Tadau Kaamatan 2016 open house in Kuala Lumpur yesterday. He is joined by several federal and state ministers. Pic by Saddam Yusoff

held in the city centre because Malaysians respected the Kadazan Dusun culture, especially the *Tarian Sumazau*, a traditional Sabahan folk dance, which had become a national dance, and the song *Anak Kampung* by Jimmy Palikat.

Jointly organised by the Tourism and Culture Ministry and Sabah government, the event also saw the attendance of Sabah Deputy Chief

Minister Tan Sri Joseph Pairin Kitingan, Tourism and Culture Minister Datuk Seri Mohammed Nazri Abdul Aziz, Energy, Green Technology and Water Minister Datuk Seri Dr Maximus Ongkili, Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau, and Federal and state cabinet ministers.

The Tourism and Culture Min-

istry, in a statement, said Kaamatan was viewed as a social festivity that brought the community, especially the Kadazan Dusun and Murut communities, together, and was dedicated to unity and to always being grateful for the year's harvest.

"This event is in line with the Ministry's aim to develop Malaysia into becoming a world-class tourist destination."

**KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 20
TARIKH : 4 JUN 2016 (SABTU)**

→ HARI KEPUTERAAN AGONG



Mohamed Apandi Ali



Noor Rashid Ibrahim



Noh Omar



Abdul Wahid Omar



Allahyarham Noriah Kasnon



Shahrizat Abdul Jalil



Ahmad Kamarulzaman



Jamaludin Ibrahim

Fakta nombor

52

PENERIMA

dikurniakan Darjah Kebesaran Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran Tan Sri

Peguam Negara dahului senarai penerima darjah kebesaran

1,546 terima anugerah sempena Hari Keputeraan Agong 2016

Putrajaya

Peguam Negara Tan Sri Mohamed Apandi Ali mengeluarkan senarai 1,546 penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan Tahun 2016 sempena Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Sultan Halim Mu'adzam Shah, hari ini.

Mohamed Apandi adalah penerima tunggal Darjah Panglima Mangku Negara (PMN) yang membawa gelaran Tan Sri'.

Sementara itu, 52 penerima dikurniakan Darjah Kebesaran Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran Tan Sri.

Antara penerima PSM ialah Hakim Mahkamah Persekutuan Datuk Ramly Ali, Hakim Mahkamah Persekutuan Datuk Azahar Mo-

hamed, Hakim Mahkamah Persekutuan Datuk Zaharah Ibrahim, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Othman Mahmood dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negara Datuk Othman Hashim.

Penerima PSM yang lain ialah Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd Nur, Ketua Pengarah Pelajaran Datuk Seri Dr Khair Mohamad Yusof, Pengurus Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Datuk Seri Arpah Abdul Razak dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Datuk Othman Mustafa.

Selain itu, PSM turut dianugerahkan kepada Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Datuk Norliza Roffi, Pengurus Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti Malaysia Datuk Seri Ranjit Singh Ajith Singh, Ketua Penyebrangan Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia Datuk Abdul Rahman Sulaiman, Pengarah Urusan Latimer Corporation Sdn Bhd Datuk Dennis Chandratheepam Latimer, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Axiatra Group Berhad Datuk Seri Jamaludin Ibrahim.

Yang turut menerima PSM ialah Pengurus Eksekutif Kumpulan

Widad Business Group Datuk Seri Muhammad Ikmal Opat Abdullah, Pro Cancellor Cyberjaya University College of Medical Sciences Datuk R.Palanianappan, Panglima Tentera Laut Laksamana Datuk Seri Ahmad Kamaluzaman Ahmad Badaruddin, Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Seri Noor Rashid Ibrahim dan bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator Datuk Seri Abdul Wahid Omar.

Noriah terima PSM

Selain itu, turut dikurniakan PSM ialah Penasihat Ekonomi Wanita/Ketua Pergerakan Wanita Urnoo Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, Penasihat Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor Datuk Seri Noh Omar, Pengurus MIC Bahagian Kampar Jaya Datuk S.Veerasingam, Presiden Parti Bersatu India Malaysia Datuk Seri S.Nalakaruppun, Ketua Pergerakan Wanita Parti Pesaka Bumiputra Bersatu Datuk Seri Empiang Antak.

Yang turut menerima anugerah PSM ialah Penasihat Kewangan Parti Progresif Penduduk Malaysia Datuk M.N. Puvanendran, Presiden Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), Datuk Seri

Saw Choo Boon dan bekas Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi Allahyarham Datuk Noriah Kasnon (anumerta) yang terkorban dalam naas helikopter di Sebuyau, Sarawak pada 5 Mei lepas.

79 terima PPN

Dalam pada itu, sebanyak 79 individu dikurniakan darjah kebesaran Panglima Jasa Negara (PPN) yang membawa gelaran 'Datuk' antaranya bekas Ahli Parlimen Kuala Kangsar Allahyarham Datuk Wan Mohammad Khairil Anuar Wan Ahmad (anumerta) dan bekas Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi mendiang Datuk Dr Sundaran Annamalai (anumerta) yang meninggal dunia dalam naas helikopter di Sarawak pada 5 Mei lepas.

Yang turut menerima darjah kebesaran itu ialah bekas Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Peguam Negara Mendiang Datuk Anthony Kevin Morais (anumerta) yang mati dibunuh pada September 2015.

Yang turut dianugerahkan darjah PPN ialah tiga Hakim Mahkamah Rayuan iaitu Datuk Kamardin Hashim, Harminder Singh

Dhaliwal dan Ong Lam Kiat, serta Penasihat Undang-undang Jabatan Perdana Menteri Datuk Almalena Sharmila Johan Thambu, Pengarah Komunikasi Kementerian Kewangan Mohamad Ezam Mohd Nor, pakar bedah mata dan penceramah terkenal Prof Dr Che Muhyudeen Mohamad, Timbalan Presiden Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Kapten Sharuddin Omar, bekas Presiden Dong Zong Quek Chee Hiang @ Quek Suan Hiang dan Setiausaha Agung MIC A. Sakthivel.

Bagi Darjah Kebesaran Panglima Setia Diraja (PSD) yang juga membawa gelaran 'Datuk' tiga penerima telah dipilih iaitu Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Perdana Menteri Halimah Hashim, Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota Markas ATM Mejaz Jeneral Mohd Yadi dan Jururujur Sultan Kedah Kolonel Datuk Tunku Aziz Ben-dahara Tunku Nong.

Dalam pada itu, 37 individu menerima Darjah Kebesaran Johari Mangku Negara (JMN) antaranya Timbalan Ketua Bahagian Guaman I Jabatan Peguam Negara Alice Lake Yee Ching dan pakar pergigian Dr Rashidah Burhanudin.

BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 4 JUN 2016 (SABTU)



Peguam Negara Dahului Senarai Penerima Darjah Kebesaran

PUTRAJAYA, 4 Jun (Bernama) -- Peguam Negara Tan Sri Mohamed Apandi Ali mengetuai senarai 1,546 penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan Tahun 2016 bersempena Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, hari ini.

Mohamed Apandi adalah penerima tunggal Darjah Panglima Mangku Negara (PMN) yang membawa gelaran 'Tan Sri'.

Sementara itu, 52 penerima dikurniakan Darjah Kebesaran Panglima Setia Mahkota (PSM) yang juga membawa gelaran Tan Sri.

Penerima PSM ialah Hakim Mahkamah Persekutuan Datuk Ramly Ali, Hakim Mahkamah Persekutuan Datuk Azahar Mohamed, Hakim Mahkamah Persekutuan Datuk Zaharah Ibrahim, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Othman Mahmood, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri Datuk Othman Hashim;

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd Nur, Ketua Pengarah Pelajaran Datuk Seri Dr Khair Mohamad Yusof, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Datuk Seri Arpah Abdul Razak dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Datuk Othman Mustafa.

Selain itu, PSM turut dianugerahkan kepada Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Datuk Norliza Rofli, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti Malaysia Datuk Seri Ranjit Singh Ajith Singh, Ketua Penerangan Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia Datuk Abdul Rahman Sulaiman, Pengarah Urusan Latimer Corporation Sdn Bhd Datuk Dennis Chandratheepam Latimer, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Axiata Group Berhad Datuk Seri Jamaludin Ibrahim;

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Widad Business Group Datuk Seri Muhammad Ikmal Opat Abdullah, Pro Canselor Cyberjaya University College of Medical Sciences Datuk R.Palaniappan, Panglima Tentera Laut Laksamana Datuk Seri Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin, Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Seri Noor Rashid Ibrahim dan bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator Datuk Seri Abdul Wahid Omar.

Turut dikurniakan PSM ialah Penasihat Ekonomi Wanita/Ketua Pergerakan Wanita UMNO Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, Penasihat Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor Datuk Seri Noh Omar, Pengerusi MIC Bahagian Kampar Jaya Datuk S.Veerasingam, Presiden Parti Bersatu India Malaysia Datuk Seri S.Nallakaruppan dan Ketua Pergerakan Wanita Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Datuk Seri Empiang Antak; Penasihat Kewangan Parti Progresif Penduduk Malaysia Datuk M.N. Puvanendran, Presiden Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) Datuk Seri Saw Choo Boon dan bekas Timbalan Menteri Perusahaan, Perlادangan dan

Komoditi Allahyarham Datuk Noriah Kasnon (anumerta) yang terkorban dalam naas helikopter di Sebuyau, Sarawak pada 5 Mei lepas.

Penerima PSM yang lain ialah Pengurus Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Datuk Seri Ibrahim Saad, Anggota Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Datuk Seri Sulong Mat Jeraie, Ahli Akademik dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Datuk Prof Dr Abdul Latiff Abu Bakar, Naib Canselor Universiti Malaya (UM) Prof Datuk Dr Mohd Amin Jalaludin, Pengurus Eksekutif AHT (Norian United) and Carriage Sdn Bhd Datuk Abdullah Taib, Pengurus Lembaga Pengarah Rural Capital Sdn Bhd Datuk Seri Abu Seman Yusop; Pengurus Eksekutif Arus Intelek Sdn Bhd Datin Azizah Abdul Ghani, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif The AlloyMtd Group Datuk Dr Azmil Khalili Khalid, Pengarah Urusan Pembinaan Azam Jaya Sdn Bhd Datuk Joseph Lo @ Lo Tain Foh, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan BREM Holdings Berhad Datuk Khoo Chai Kaa, Pengarah Urusan ECK Development Sdn Bhd Datuk Khor Eng Chuen, dan Pengarah Urusan Kumpulan United U-Li Corporation Berhad Datuk Lee Yoon Wah.

Seri Paduka turut berkenan mengurniakan PSM kepada Timbalan Presiden Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (Mubarak) Datuk Md Yazid Baba, Pengurus HMS Oil and Gas Sdn Bhd Datuk Norazman Hamidun, Pengarah Urusan Kumpulan BCB Berhad Datuk Tan Seng Leong; Pengarah Urusan Dimensi Eksklusif (M) Sdn Bhd Datuk Seri Zainul Azman Zainul Aziz, Pengarah dan Pengasas Synergy Energy (Labuan) Ltd Datuk Seri Loo Chong Sing dan Presiden Persatuan Pegawai-Pegawai Kanan Polis Bersara Malaysia (RESPA) Datuk Mohd Ismail Che Rus; Bekas timbalan menteri penerangan Datuk Mohd Khalid Mohd Yunus, Ketua UMNO bahagian Kota Bharu Datuk Mohamad Fatmi Che Salleh, bekas anggota jawatankuasa Pusat MCA Datuk Wong Mook Leong, bekas presiden MCA Tan Koon Swan @ Chin Khoon, Pengurus CCK Consolidated Holdings Berhad Datuk Tiong Su Kouk, bekas timbalan presiden Parti Liberal Demokratik (LDP) Datuk Lau Ngan Siew dan Naib Presiden Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) Datuk Seri Wences Angang.

Dalam pada itu, sebanyak 79 individu dikurniakan darjah kebesaran Panglima Jasa Negara (PJN) yang membawa gelaran 'Datuk' antaranya bekas Anggota Parlimen Kuala Kangsar Allahyarham Datuk Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad (anumerta) dan bekas Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi mendiang Datuk Dr Sundaran Annamalai (anumerta) yang meninggal dunia dalam naas helikopter di Sarawak pada 5 Mei lepas.

Turut menerima PJN ialah bekas Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Peguam Negara mendiang Datuk Anthony Kevin Morais (anumerta) yang mati dibunuhan pada September 2015.

PJN turut dianugerahi kepada tiga Hakim Mahkamah Rayuan iaitu Datuk Kamardin Hashim, Harminder Singh Dhaliwal dan Ong Lam Kiat, serta Penasihat Undang-undang Jabatan Perdana Menteri Datin Almalena Sharmila Johan Thambu, Pengarah Komunikasi Kementerian Kewangan Mohamad Ezam Mohd Nor, pakar bedah mata dan penceramah terkenal Prof Dr Che Muanya Mohamad, Timbalan Presiden Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Kapten Sharuddin Omar, bekas Presiden Dong Zong Quek Chee Hiang @ Quek Suan Hiang dan Setiausaha Agung MIC A. Sakthivel.

Bagi Darjah Kebesaran Panglima Setia Diraja (PSD) yang juga membawa gelaran 'Datuk' tiga penerima telah dipilih iaitu Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Perdana Menteri Halimah Hashim, Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota Markas ATM Mejar Jeneral Mohd Yadi dan Juruiring Sultan Kedah Kolonel Datuk Tunku Aziz Bendahara Tunku Nong.

Dalam pada itu, 37 individu menerima Darjah Kebesaran Johan Mangku Negara (JMN) antaranya Timbalan Ketua Bahagian Guaman I Jabatan Peguam Negara Alice Loke Yee Ching dan pakar pergigian Dr Rashidah Burhanudin.

Turut menerima JMN ialah Ketua Jabatan dan Pakar Perunding Otorinolaringologi Hospital

Tuanku Jaafar Dr K.A. Valuyeetham, Ketua Pengarah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Zuraida Mokhtar, bekas Timbalan Presiden Persatuan Pemborong Binaan Malaysia Aziz Bahaman, Ketua Polis Melaka Datuk Ramli Din dan Timbalan Ketua Polis Pulau Pinang Datuk A.Thaiveegan.

Sementara itu, antara 83 penerima anugerah Johan Setia Mahkota (JSM) termasuk Pakar Perunding Kanan (Kanak-kanak) Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar, Johor Dr Angeline Wang Seng Lian dan Pengarah Bahagian Program TV Jabatan Penyiaran Radio Televisyen Malaysia (RTM) Norliza Mohd Ali.

Anugerah Johan Setia Diraja (JSD) pula dikurniakan kepada Setiausaha Sulit kepada Yang Dipertua Negeri Sarawak Datu Mustapa Han serta lima penerima lain.

Bagi Bintang Kesatria Mangku Negara (KMN), sejumlah 224 orang telah terpilih termasuk Ketua Polis Daerah Sentul ACP R.Munusamy, Pengarah Kanan Jabatan Perangkaan Malaysia Abd Latib Talib, Pegawai Komunikasi Pejabat Ketua Setiausaha Negara Ahmad Shukran Shaharuddin, Ketua Polis Daerah Putrajaya ACP Rosly Hassan dan Presiden Persatuan Seniman Malaysia Rozaidi Abdul Jamil.

Bintang Kesatria Setia Diraja (KSD) pula dianugerahkan kepada 10 orang penerima termasuk Pengarah Muzik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Mohamad Adzan Mohamad Fauzi dan Jurutera Awam Bahagian Pengurusan Fasiliti Jabatan Kerja Raya Azme Hassan.

Sementara itu, ratu terjun negara Pandelela Rinong Pamg, guru Sekolah Menengah Kebangsaan Wira Penrissen, Kota Samarahan Sarawak Chong Siau Chen dan Setiausaha Kerja Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia Siti Fadilah Sudin merupakan antara 374 penerima Ahli Mangku Negara (AMN).

Sebanyak 596 individu pula menerima Pingat Pangkuhan Negara (PPN) antaranya bekas pengiring Timbalan Menteri Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi Allahyarham Koperal Ahmad Sobri Harun (anumerta) yang turut meninggal dunia dalam naas helikopter di Sarawak, selain 81 orang lagi disenaraikan sebagai penerima Pingat Bentara Setia Diraja (BSD).

Dalam pada itu, sebanyak 79 individu dikurniakan darjah kebesaran Panglima Jasa Negara (PJV) yang membawa gelaran 'Datuk' antaranya bekas Anggota Parliment Kuala Kangsar Allahyarham Datuk Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad (anumerta) dan bekas Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi mendiang Datuk Dr Sundaran Annamalai (anumerta) yang meninggal dunia dalam naas helikopter di Sarawak pada 5 Mei lepas.

Turut menerima PJV ialah bekas Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Peguam Negara mendiang Datuk Anthony Kevin Morais (anumerta) yang mati dibunuuh pada September 2015.

PJV turut dianugerahi kepada tiga Hakim Mahkamah Rayuan iaitu Datuk Kamardin Hashim, Harminder Singh Dhaliwal dan Ong Lam Kiat, serta Penasihat Undang-undang Jabatan Perdana Menteri Datin Almalena Sharmila Johan Thambu, Pengarah Komunikasi Kementerian Kewangan Mohamad Ezam Mohd Nor, pakar bedah mata dan penceramah terkenal Prof Dr Che Muanya Mohamad, Timbalan Presiden Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Kapten Sharuddin Omar, bekas Presiden Dong Zong Quek Chee Hiang @ Quek Suan Hiang dan Setiausaha Agung MIC A. Sakthivel.

Bagi Darjah Kebesaran Panglima Setia Diraja (PSD) yang juga membawa gelaran 'Datuk' tiga penerima telah dipilih iaitu Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Perdana Menteri Halimah Hashim, Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota Markas ATM Mejar Jeneral Mohd Yadi dan Juruiring Sultan Kedah Kolonel Datuk Tunku Aziz Bendahara Tunku Nong.

Dalam pada itu, 37 individu menerima Darjah Kebesaran Johan Mangku Negara (JMN)

antaranya Timbalan Ketua Bahagian Guaman I Jabatan Peguam Negara Alice Loke Yee Ching dan pakar pergigian Dr Rashidah Burhanudin.

Turut menerima JMN ialah Ketua Jabatan dan Pakar Perunding Otorinolaringologi Hospital Tuanku Jaafar Dr K.A. Valuyeetham, Ketua Pengarah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Zuraida Mokhtar, bekas Timbalan Presiden Persatuan Pemborong Binaan Malaysia Aziz Bahaman, Ketua Polis Melaka Datuk Ramli Din dan Timbalan Ketua Polis Pulau Pinang Datuk A.Thaiiveegan.

Sementara itu, antara 83 penerima anugerah Johan Setia Mahkota (JSM) termasuk Pakar Perunding Kanan (Kanak-kanak) Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar, Johor Dr Angeline Wang Seng Lian dan Pengarah Bahagian Program TV Jabatan Penyiaran Radio Televisyen Malaysia (RTM) Norliza Mohd Ali.

Anugerah Johan Setia Diraja (JSD) pula dikurniakan kepada Setiausaha Sulit kepada Yang Dipertua Negeri Sarawak Datu Mustapa Han serta lima penerima lain.

Bagi Bintang Kesatria Mangku Negara (KMN), sejumlah 224 orang telah terpilih termasuk Ketua Polis Daerah Sentul ACP R.Munusamy, Pengarah Kanan Jabatan Perangkaan Malaysia Abd Latib Talib, Pegawai Komunikasi Pejabat Ketua Setiausaha Negara Ahmad Shukran Shaharuddin, Ketua Polis Daerah Putrajaya ACP Rosly Hassan dan Presiden Persatuan Seniman Malaysia Rozaidi Abdul Jamil.

Bintang Kesatria Setia Diraja (KSD) pula dianugerahkan kepada 10 orang penerima termasuk Pengarah Muzik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Mohamad Adzan Mohamad Fauzi dan Jurutera Awam Bahagian Pengurusan Fasiliti Jabatan Kerja Raya Azme Hassan.

Sementara itu, ratu terjun negara Pandelela Rinong Pamg, guru Sekolah Menengah Kebangsaan Wira Penrissen, Kota Samarahan Sarawak Chong Siau Chen dan Setiausaha Kerja Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia Siti Fadilah Sudin merupakan antara 374 penerima Ahli Mangku Negara (AMN).

Sebanyak 596 individu pula menerima Pingat Pangkuhan Negara (PPN) antaranya bekas pengiring Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi Allahyarham Koperal Ahmad Sobri Harun (anumerta) yang turut meninggal dunia dalam naas helikopter di Sarawak, selain 81 orang lagi disenaraikan sebagai penerima Pingat Bentara Setia Diraja (BSD).

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 30
TARIKH : 4 JUN 2016 (SABTU)

A-G leads king's award list

HONOURED: Apandi to get 'Tan Sri', Anthony Kevin Morais, Noriah Kasnon to get posthumous awards

PUTRAJAYA

ATTORNEY-GENERAL Tan Sri Mohamed Apandi Ali heads a list of 1,546 recipients of 2016 Federal Orders, Decorations and Medals in conjunction with the birthday of the Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Apandi was the sole recipient of Darjah Panglima Mangku Negara (PMN) which carries the title Tan Sri.

Fifty-two recipients will be bestowed the Darjah Kebesaran Panglima Setia Mahkota (PSM) which also carries the title Tan Sri.

Among the recipients were Federal Court judge Datuk Ramly Ali, Federal Court judge Datuk Azahar Mohamed, Federal Court judge Datuk Zaharah Ibrahim, Prime Min-



Tan Sri Mohamed Apandi Ali



Datuk Seri Abdul Wahid Omar



Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil

ister's Department senior deputy secretary-general Datuk Seri Othman Mahmood and Foreign Ministry secretary-general Datuk Othman Hashim.

Other recipients of the PSM were Science, Technology and Innovation Ministry secretary-general **Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd Nur**, Education director-general Datuk Seri Dr Khair Mohamad Yusof, Public Service Commission chairman Datuk Seri Arpah Abdul Razak and Malaysian Islamic Development Department director-general Datuk Othman Mustafa.

The PSM was also conferred on National Culture and Arts Department director-general Datuk Norliza Rofli, Securities Commission

Malaysia executive chairman Datuk Seri Ranjit Singh Ajith Singh, Malaysian Council of Former Electred Representatives information chief Datuk Abdul Rahman Sulaiman, Latimer Corporation Sdn Bhd managing director Datuk Dennis Chandratheepam Latimer, Axiate Group Berhad president and group executive director Datuk Seri Jamaludin Ibrahim.

Also receiving the PSM were Widad Business Group group executive chairman Daruk Seri Muhamad Ikmal Opat Abdullah, Cyberjaya University College of Medical Sciences Pro-Chancellor Datuk R. Palaniappan, Chief of Navy Admiral Datuk Seri Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin, Deputy Inspec-

tor-General of Police Datuk Seri Noor Rashid Ibrahim and former minister in the Prime Minister's Department Senator Datuk Seri Abdul Wahid Omar.

Other PSM recipients include Wanita Umno chief Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, Selangor State Federal Action Council adviser Datuk Seri Noh Omar, Kampar Jaya MIC division chairman Datuk S. Veerasingam, Parti Bersatu India Malaysia president Datuk Seri S. Nallakaruppan, Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Wanita chief Datuk Seri Emplang Antak.

Also receiving the PSM were Parti Progresif Penduduk Malaysia financial adviser Datuk M.N. Puvanendran, Federation of Malaysian Man-

factors president Datuk Seri Saw Choo Boon and former deputy plantation industries and commodities minister, Datuk Noriah Kasnon (posthumously), who died in a helicopter crash in Sebuayu, Sarawak, on May 5.

Meanwhile, 79 people will be awarded the Panglima Jasa Negara (PjN), which carries the title Datuk, including the late Kuala Kangsar member of parliament Datuk Wan Mohammad Kharil Anuar Wan Ahmad (posthumous) and plantation industries and commodities ministry secretary-general Datuk Dr Sundaram Annamalai (Posthumous), who were killed in the May 5 helicopter accident.

Others include former Deputy Public Prosecutor in the Attorney-General's Chambers, the late Datuk Anthony Kevin Morais (Posthumous), who was murdered in September last year.

A total of 596 individuals will also receive Pingat Pangkuhan Negara (PPN), including Lance Corporal Ahmad Sobri Harun (posthumous), who was the former bodyguard of the deputy plantation industries and commodities minister, who was killed in the helicopter crash in Sarawak.

Eighty-one will receive the Pingat Bentara Setia Diraja (BSD). **Bernama**

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (WANITA) : MUKA SURAT 11
TARIKH : 4 JUN 2016 (SABTU)

Ketokohan Mazlan sukar ditandingi

• Pelopor bidang aeroangkasa negara diberi mandat tingkat sains, teknologi menjelang 2050



Oleh Nor Afzan
Mohamad Yusof
afzan@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Bekerja keras melihat sesuatu sasaran itu menjadi nyata, berwawasan, peka dan tidak pernah puas dengan kejayaan dicapai antara elemen teras kejayaan Datuk Dr Mazlan Othman.

Selaku pelopor dalam hampir kesemua pencapaian aeroangkasa di negara ini, kecemerlangan dan kehebatan beliau sukar ditandingi, bukan saja dalam kalangan wanita tetapi juga lelaki.

Pelantikan beliau sebagai Pengarah Projek Sains Mega, 3.0, di Akademi Sains Malaysia, baru-baru ini, membuktikan pada usia 65 tahun, idea beras bersulut pengalaman luas, meletakkan beliau kumpulan pemikir dalam strategi negara menuju 2050.

Beliau diberi mandat mengetuai projek Sains Mega 3.0 yang bertujuan menyediakan Malaysia untuk masa depan bidang sains, teknologi serta inovasi.

"Dalam usaha menjadi yang terbaik dalam bidang sains dan teknologi pada 2050, kita perlu menjangka dan melakukan ramalan mengenai masa depan, apa bentuk teknologi serta inovasi yang kita jangkakan waktu itu.

"Saya dan pasukan menyediakan prospek Malaysia, bagaimana kita melihatnya dalam masa 35 tahun akan datang serta tetapan matlamat. Semua itu penting bagi meningkatkan sains dan teknologi Malaysia pada masa depan," katanya ketika ditemui di Akademi Sains Malaysia di sini, semalam.

Minat tak pernah luntur
Pada usia sudah lebih separuh abad, semangat dan minatnya dalam bidang sains tidak pernah luntur, malah pelbagai pencapaian diciptas serta diraihnya.

Diangkat sebagai Ketua Pengarah Pengasas Negara Agenzia Angkasa (ANGKASA), awal Julai 2002 bagi program Angkasawan Negara antara paling dekat di hati beliau.

“Sebenarnya Malaysia pernah ditawarkan untuk menghantar angkasawan pada 1985 tetapi waktu itu kita terpaksa menolak kerana negara belum bersedia.

Hanya selepas negara menunjukkan pencapaian membanggakan dalam aeroangkasa, barulah kita bersetu,” katanya.

Program berkenaan menyaksikan Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor ke angkasa 2007 sebagai angkasawan pertama negara.

Biarpun pelbagai pencapaian dilakukan, Mazlan tidak pernah puas kerana dunia aeroangkasa hanya lima peratus saja diketahui manusia, selebihnya kekal misteri.

“Ketika program angkasawan memang saya mahu serta tetapi dengan jawatan disandang, mustahil saya boleh turut serta. Tetapi impian ke angkasa tidak pernah luntur. Hari ini saya boleh katakan, jika ada yang tawarkan saya ke Marikh, saya akan kata ya untuk cabaran itu,” katanya.

Miliki impian
Pencapaian lain Mazlan sepanjang 35 tahun berkhidmat dalam dunia angkasa, termasuk menggunakan sistem falak dalam menetapkan tarikh Ramadan dan Syawal, memasukkan sains angkasa sebagai sebahagian kurikulum negara dan penubuhan Planaterium Negara.


“Secara peribadi, saya suka ambil tahu dan bekerja keras untuk melihat sesuatu sasaran itu menjadi nyata. Misalnya, dalam usaha membawa orang ramai memahami sains angkasa, saya menyediakan landasan ke arah itu.

“Antaranya memasukkan aeroangkasa sebagai sebahagian daripada subjek di sekolah dan menubuhkan Planaterium Negara.

“Ini adalah asas memahami sains dan apabila ada asas kukuh, baharulah kita boleh melakukaninya dengan baik,” katanya.

Mazlan memiliki ijazah kedoktoran dalam Astrofizik dari Universiti Otago, New Zealand, memulakan kerjaya sebagai pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 1981.

“Sebagai pensyarah Astrofizik, saya memberi tumpuan dalam penyediaan kursus akademik dan makmal kepada pelajar ijazah serta lepasan ijazah dalam Astrofizik dan Astronomi. Aktiviti direka untuk bina kesedaran awam mengenai astronomi,” katanya.



Biodata

Nama → Datuk Dr Mazlan Othman
Asal → Negeri Sembilan
Umur → 65 tahun
Adik beradik → Anak kesembilan daripada 13 beradik

Antara jawatan disandang

- Ogos 2014 hingga kini – Pengarah Projek Mega Sains 3.0 Akademi Sains Malaysia
- Jun 2009 – Ketua Pengarah Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Vienna (UNOV) pada Jun 2009
- Disember 2007 – Pengarah Pejabat PBB bagi Hal Ehwal Angkasa Lepas (OOSA) di Vienna, Austria
- Jun 1999–2013 – Pengarah Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Hal Ehwal Angkasa Lepas

(OOSA) di Vienna, Austria pada 1999


Anugerah

- 2010 – Anugerah Melayu Terbilang daripada UMNO
- 2013 – Anugerah Polarstar pada Austria Space Forum
- 2013 – International Academy of Astronautics Social Science Award
- 2013 – International Telecommunication Union Merit Award
- 2015 – Fulbright Fellowship

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 3
TARIKH : 4 JUN 2016 (SABTU)



Crushed: A tree uprooted by the hailstorm crushing a car at the KL Astro car park in Sungai Besi yesterday.



Extensive damage: Debris lying in between petrol pumps and vehicles at a Shell kiosk in Sungai Besi.



Office mess: Staff of the Standard Chartered Bank branch at Wisma Scope International, next to Kuala Lumpur-Sungai Besi Highway, viewing the damage to the ceiling after the storm.

Hailstorm and flash flood mayhem in KL

Weather wreaks havoc with traffic and rail service

By P. DIVAKARAN
and NATASHA JOIBI
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA Heavy rain and hailstorm pelted the city, causing mayhem, stranding hundreds of motorists in traffic snarls and passengers on stalled train services.

As of 7pm, flash floods caused a traffic standstill around Batu Muda Tambahan towards Sentul, and along Jalan Hikmat Usaha near Masjid Wilayah, according to StarTraffic.

Flash floods were also reported near Tung Shin Hospital along Jalan Pudu, Jalan Imbi and the Shah Alam Highway (Kesas) at the Indah Parade intersection in Sri Petaling.

Traffic congestion was also reported along Jalan Duta, near Jalan Semantan and major highways heading into the city.

Traffic police were deployed at the intersection between Jalan Pantai Baru and Bangsar to help ease traffic congestion that had built up due to flash floods and a fallen tree.

A fallen tree also caused massive jams in both directions along the KL-Seremban Highway near Technology Park Malaysia in Bukit Jalil.

Traffic was at a 5km crawl near the Gombak toll, heading to the city.

The harsh weather also brought ERL and LRT train services to a halt, stranding passengers after violent storms caused power disruptions to the Rapid KL's LRT Sri Petaling Line.

"While services between Cheras and Sri Petaling stopped from 6.24pm, train services continued with longer waiting period between Awan Besar and Bandar Puteri," said Rapid Rail Sdn Bhd CEO Ahmad Nizam



Raining ice: A passer-by collecting hailstones that littered the Sungai Besi area yesterday

Mohamed Amin.

LRT commuter K. Parkaran, 62, told the StarOnline that he and around 200 other passengers waited for more than two hours at the Sri Petaling station for the service to resume.

City Fire and Rescue Department chief operations officer Samsol Maafir Saibani said the department received reports of at least 45 fallen trees around the city as of 7.35pm.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 21
TARIKH: 04 JUN 2016 (SABTU)

PLANET DEKAT DENGAN BUMI

Bukan fenomena pelik

Kuala Lumpur: Kedudukan bumi sejajar dengan sesuatu planet atau dikenali sebagai 'istiqbal' bukan fenomena pelik, malah turut berlaku saban tahun berikutnya peredaran orbit setiap planet mengelilingi matahari.

Kedudukan Zuhal yang mendekati bumi adalah sebahagian daripada fenomena istiqbal, malah planet Musytari dan Marikh turut berada berhampiran bumi dan boleh dilihat pada waktu malam.

Bagaimanapun, ketiga-tiga planet itu hanya kelihatan bercahaya seperti bintang biasa di langit pada waktu malam dan penggunaan peralatan khas seperti teleskop memberi bentuk fizikal sebenar planet itu.

Pengkaji astronomi Shahril Ahmad berkata, fenomena planet dekat dengan bumi bukan perkara asing, malah ia mempunyai tempoh masa tertentu dan saban tahun berlaku.

"Bagi fenomena planet Zuhal mendekati bumi, ia berlaku dalam tempoh 378 hari dan planet berkenaan mendekati bumi bukan sesuatu yang pelik, malah pusingan semula jadi planet itu.

"Zuhal kini berada di da-

lam kawasan buruj bernama 'Ophiuchus' iaitu berhampiran dengan buruj 'Scorpius' dan 'Sagittarius'. Menurusi pandangan mata, Zuhal bersama-sama planet Marikh dan bintang tercerah dalam buruj Scorpius iaitu Antares membentuk segitiga besar," katanya.


Shahril berkata, titik sejajar Zuhal dan bumi direkodkan berlaku semalam pada jam 2.25 petang dan ketika itu, kedudukan matahari, bumi dan zuhal berada dalam kedudukan sejajar.

Jurucakap Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) berkata, ketika kedudukan istiqbal bagi Zuhal dianggarkan pada posisi sembilan kali jarak bumi ke matahari

"Fenomena itu akan berlangsung selama tiga bulan iaitu bermula Jun hingga Oktober dan orang awam boleh melihat planet berkenaan pada waktu malam menggunakan peralatan khas.

"Sebelum ini, planet Zuhal mengalami istiqbal pada 20 Mei 2014, 23 Mei 2015 dan pada tahun hadapan pada 15 Jun 2017. Ia fenomena semula jadi dan tidak memberi kesan kepada bumi daripada aspek graviti," katanya.

ZUHAL PADA KEDUDUKAN 'OPPOSITION' ATAU 'ISTIQBAL'



KEDUDUKAN ZUHAL DAN MARIKH DI BURUJ SCORPIUS (LANGIT SELATAN)

